



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(DASAR & ANTARABANGSA)**
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 9, BLOK D3, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8886 5032 (Terus)
: 03-8886 5033 (Pejabat)
Faks : 03-8889 2387
E-mail : ksm@mohr.gov.my

Ruj: KSM/DP(R)2/1/79
Tarikh: 20 Januari 2021

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

PERINGATAN UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN PERAKUAN DI BAWAH AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 (AKTA 446) DAN MELAKSANAKAN UJIAN SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING, DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (AKTA 342)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, penguatkuasaan terhadap Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) telah dilaksanakan sepenuhnya mulai 1 September 2020. Majikan atau penyedia penginapan berpusat wajib mendapat Perakuan Penginapan mengikut kehendak subseksyen 24D (1) Akta 446 daripada Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) atau Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri sekiranya pihak tuan menyediakan penginapan pekerja. Pendaftaran permohonan Perakuan Penginapan hendaklah dibuat secara atas talian di pautan <http://akta446.mohr.gov.my/>.

(Mana-mana majikan yang didapati gagal memohon perakuan boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000.00 di bawah subseksyen 24D (3), dan mana-mana penyedia penginapan berpusat boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000.00 atau penjara melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya di bawah subseksyen 24D (4), (Akta 446).

3. Sepertimana pihak tuan sedia maklum juga, sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja asing, pihak tuan adalah diwajibkan untuk menjalankan ujian saringan wabak COVID-19 terhadap pekerja asing tuan di mana-mana klinik panel yang berdaftar dengan PERKESO bermula dari 1 Januari 2021 sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dikeluarkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

(Mana-mana majikan yang gagal membuat saringan pekerja asing mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya di bawah Peraturan 13 (1), Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempat Jangkitan) (No. 9) 2020).

4. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki mengambil tindakan seperti arahan di atas dengan kadar **SEGERA** dan sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi pejabat PERKESO/Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,



A. MANIAM

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Manusia